



KERJA-KERJA PENGOREKAN DI SEKITAR JETI KAPAR ENERGY VENTURES (KEV), PELABUHAN KLANG SERTA PELUPUSAN BAHAN SISA KOREKAN DI TAPAK PEMBUANGAN AM SELATAN

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah.
Kepada : Syarikat-Syarikat Perkapalan, Malim Pelabuhan, Nakhoda Kapal, Pelaut Tempatan, Nelayan-Nelayan dan Semua Pihak Yang Berkaitan.
Tarikh : 19 Oktober 2007.

Adalah dimaklumkan bahawa suatu kerja-kerja pengorekan akan dijalankan di kawasan perairan sekitar Jeti Kapar Energy Ventures, Pelabuhan Klang selama tempoh kira-kira 7 bulan mulai dari 26 Oktober 2007. Dalam masa yang sama, bahan-bahan sisa korekan tersebut akan dilupuskan di Kawasan Pembuangan Am (*Spoil Ground*) Selatan yang terletak lebih kurangnya pada kedudukan Lat. 02° 53.52' Utara & Long. 101° 09.00' Timur.

2. Dimaklumkan juga bahawa vesel-vesel yang akan digunakan dalam kerja-kerja itu kelak adalah; "*Grab Dredger*" (Meisun G5), "*Hopper Barge*" (Meisun H10, Meisun H13 & Meisun H15) serta "*Tug Boat*" (Meisun T31 & Alfa Permai).

3. Selaras dengan itu juga, maka semua vesel (kapal-kapal, bot-bot serta bot nelayan) adalah diingatkan supaya berhati-hati semasa melalui kawasan kerja dan di mana praktikal serta selamat, hendaklah memberikan kelegaan munasabah kepada vesel-vesel berkaitan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

(MOHD SANI BIN ROSLI)

Pegawai Laut Keselamatan Pelayaran,
b.p. Pegawai Pelabuhan,
Jabatan Laut Wilayah Tengah.

- s.k: (i) Pengarah,
Bahagian Keselamatan Pelayaran,
Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia.
- (ii) Pengarah Laut,
Jabatan Laut Wilayah Tengah.
- (iii) Pengurus Besar,
Lembaga Pelabuhan Kelang.
(u.p: Gerakan Merin)